

04/03/2004

PM harap RLIR dapat pengiktirafan

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap Royal Langkawi International Regatta (RLIR) dapat muncul perlumbaan pelayaran berprestij dalam kalendar pelayaran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata ini akan memperkukuhkan ekonomi negara dan meletakkan Langkawi sebagai pulau peranginan nombor satu dunia.

"Pulau ini yang dulunya terasing dari Laut Andaman, hari ini menjadi venue bagi penganjuran pelbagai sukan tahunan bertaraf antarabangsa.

"Langkawi juga begitu pantas menjadi destinasi pilihan percutian di kalangan selebriti antarabangsa dari seluruh dunia," katanya yang dipetik daripada buku program sempena BMW RLIR 2004.

Hampir 70 pasukan luar negara dan 15 pasukan tempatan menyertai perlumbaan bagi merebut Trofi Cabaran Perdana Menteri itu, mulai semalam hingga Sabtu ini.

Perlumbaan itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Kedah, Datuk Osman Md Aji yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, di Langkawi kelmarin.

Hadir sama Pengerusi Royal Langkawi Yacht Club (RLYC), Tan Sri Abdullah Abdul Rahman dan Pengarah Urusan BMW (M) Sdn Bhd, Wolfgang Schlimme.

Sambil mengucapkan selamat datang kepada peserta luar negara, Perdana Menteri berharap mereka gembira selama berada di Malaysia dan yakin penduduk Langkawi akan melakukan yang terbaik bagi membolehkan percutian mereka di pulau itu sebagai sesuatu kenangan yang sukar dilupakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam buku yang sama dipetik sebagai berkata penganjuran sukan pelayaran bertaraf antarabangsa seumpama itu bukan kerja mudah.

Katanya, sudah tentu banyak masa, usaha dan wang dilaburkan bagi memastikan regatta memenuhi standard antarabangsa dan prestij.

"Dengan berbuat demikian, anda sudah membantu mempamerkan kemesraan penduduk Malaysia dan keindahan Langkawi kepada dunia," katanya sambil mengucapkan tahniah kepada RLYC yang menganjur regatta itu.

Bekas Perdana Menteri yang juga Penaung RYLC, Tun Dr Mahathir Mohamad, pula berkata dengan kejayaan regatta tahun lalu yang masih segar dalam ingatan, beliau yakin matlamat penganjur untuk menjadikan Langkawi sebagai hentian kegemaran pelayar antarabangsa akan menjadi kenyataan.

"Langkawi sentiasa mendapat tempat di hati saya sejak bekerja di pulau itu sebagai pegawai perubatan pada 1956. Ia adalah sebuah pulau legenda dan kaya dengan sejarah. Legenda dan pelbagai tempat menarik di pulau itu sering menjadi tarikan utama kepada pelancong.

"Tetapi kini Langkawi sudah menjadi pusat bagi pelbagai acara dan pelayaran adalah satu daripadanya.

"Langkawi memiliki segala kemudahan dan ini termasuk saiz dermaga yang baik untuk menyenggara dan perkhidmatan kapal layar sehingga kapal layar bersaiz besar. Kapal layar juga boleh didaftarkan di sini," katanya yang dipetik daripada buku sama.

Sebagai penasihat Lembaga Pembangunan Langkawi, Dr Mahathir berkata beliau akan memastikan kemudahan di Langkawi sentiasa memenuhi kehendak pelawat.